

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9177[Pertanyaan di bawah PM.22 (5)]

SOALAN:

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta KEMENTERIAN DALAM NEGERI menyatakan apakah status kertas siasatan ke atas isi kandungan laporan PAC mengenai 1MDB daripada Ketua Polis Negara yang masih tidak diserahkan kepada Peguam Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM sedang menjalankan siasatan ke atas syarikat 1Malaysia Development Berhad [1MDB] ekoran daripada isu-isu dan syor-syor yang ditimbulkan dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara [PAC] bagi menentukan sama ada wujud sebarang kesalahan jenayah.

Melalui satu kenyataan media pada 14 April 2016, Ketua Polis Negara telah mengesahkan pihak polis sedang menjalankan siasatan ke atas 1MDB berdasarkan Laporan PAC ke atas 1MDB yang dibentangkan dalam Parlimen pada 7 April 2016 dan Ketua Polis Negara sendiri mengetuai pasukan siasatan ke atas 1MDB.

Pada peringkat ini, siasatan polis masih berjalan dan akan dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara setelah siasatan polis selesai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN TEO KOK SEONG

TARIKH : 26.5.2016

SOALAN : NO. 152

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) Berapakah bayaran yang diberi oleh syarikat konsesi *Education Malaysia Global Services* (EMGS) kepada Kerajaan sejak syarikat tersebut beroperasi berdasarkan tahun.
- (b) Mengapakah tiada tender terbuka untuk melantik syarikat yang mengendalikan kemasukan pelajar asing seperti EMGS.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 11 Januari 2012 telah bersetuju dengan penubuhan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sebagai Syarikat Berhad Mengikut Jaminan atau *Company Limited By Guarantee* (CLBG) yang bukan berdasarkan keuntungan. EMGS telah didaftarkan secara rasmi pada 13 April 2012 sebagai CLBG selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 24(1) dan (2) Akta Syarikat (1965) [Akta 125]. Sebarang keuntungan yang diperoleh syarikat hanya akan digunakan bagi tujuan menampung kos operasi dan tiada bayaran dividen kepada ahlinya.

Seluruh operasi pengurusan dan pembangunan dibiayai sendiri (self-funding) oleh EMGS melalui pendapatan yang dijana dari perkhidmatan pengurusan pemprosesan pas pelajar antarabangsa. Antara kos operasi yang terlibat ialah kos pengurusan pusat perkhidmatan setempat di Kuala Lumpur dan Cyberjaya serta kos akitiviti pemasaran dan promosi pendidikan di luar negara yang melibatkan penyertaan keseluruhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Berdasarkan syarat penubuhannya sebagai CLBG, tiada sebarang komitmen bayaran balik yang perlu dibuat oleh EMGS kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, EMGS bertanggungjawab sebagai pemudah cara dalam memberikan khidmatnya untuk meningkatkan kecekapan proses pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa. Peranan dan tanggungjawab EMGS telah meningkatkan lagi keberkesanan program promosi dan pemasaran pendidikan tinggi ke arah mencapai sasaran 200,000 orang pelajar antarabangsa ke IPT menjelang tahun 2020.

- (b) Untuk makluman, tender terbuka tidak perlu dibuat bagi melantik syarikat yang mengendalikan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT. Kementerian Kewangan juga tiada halangan tentang penubuhan EMGS sebagai CLBG yang bukan berdasarkan keuntungan yang diletakkan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menjalankan fungsi pemasaran, promosi dan pengurusan pengambilan serta pemprosesan pas pelajar antarabangsa ke Malaysia.